



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa secara terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi menyertai sebut harga ini:

Tajuk Sebut Harga	Kod bidang	Tarikh Tutup Sebut Harga	Taklimat Sebut Harga
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENTAULIAH AKSESORI MOTORHOME UNTUK KEGUNAAN PENYIARAN BERNAMA RADIO NO. RUJUKAN : BER/SH/01/2025	110301 – Alat Ganti / Aksesori Kenderaan	28 Januari 2025 (Selasa) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	21 Januari 2025 (Selasa) Kehadiran digalakkan

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **21 Januari 2025 (Selasa) selepas sesi taklimat** di laman web portal MyVendor BERNAMA. Syarikat juga wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login> bagi menyertai sebut harga ini.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 21 Januari 2025 (Selasa)
 Masa : 10.30 pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut Harga**) dan diemelkan kepada Urus Setia Perolehan selewat-lewatnya sebelum **21 Januari 2025 (Selasa)**.

Syarikat wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Syarikat perlu memuatnaik dokumen tawaran berserta dokumen-dokumen sokongan di laman web MyVendor BERNAMA **dan** menghantar secara manual dalam peti sebut harga pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 28 Januari 2025 (Selasa)** di alamat berikut:

Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1685
E-mel : haniiah.ahya@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebut Harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.